

Skima
Tasawwur
Islam
Latih Tubi
Set 1

**PROGRAM MENGAPAI A+
KECEMERLANGAN TASAWWUR ISLAM
SPM 2021**

LATIH TUBI SET 1

PERATURAN PEMARKAHAN

**TASAWWUR ISLAM
Dua Jam Tiga Puluh Minit**

**PERATURAN PEMARKAHAN
TASAWWUR ISLAM
5226**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

BAHAGIAN A

1.	Ihsan
2.	Qadar
3.	Salafusoleh
4.	Nakli
5.	Konvensional
6.	Akad
7.	Insurans
8.	Al-bai bithaman ajil
9.	114
10.	Al-nas / lain-lain nama surah al-quran
11.	30
12.	Ayat madaniyyah
13.	✓
14.	✓
15.	X
16.	X
17.	Meletakkan pendapat majoriti rakyat sebagai asas pemerintahan
18.	Menjadikan undang-undang Allah SWT sebagai undang-undang negara
19.	Saling mengenali
20.	Saling bekerjasama

3
BAHAGIAN B

Soalan			Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian tambahan [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
1	(a)	(i)	Maksud akhlak menurut Islam			
			Sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang yang mendorong mereka melakukan sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam <p style="text-align: right;">(1 isi x 1 Huraian = 2M)</p>			
		(ii)	Akhlak yang di tunjukkan oleh Halizawati dan Nasihat untuk Halizawati agar beliau berubah kepada akhlak yang lebih baik			
			Akhlak yang ditunjukkan oleh Halizawati ialah akhlak mazmumah / buruk. Halizawati mesti menghindari akhlak tersebut dengan menerima suruhan ibunya dengan hati yang terbuka dengan menyedari bahawa orang yang menolong ibu bapanya akan mendapat pahala daripada Allah SWT. <p style="text-align: center;">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p style="text-align: right;">(1 isi x 3 huraian = 4 M)</p>			
		(iii)	Empat rukun Iman ialah			
			1. Percaya kepada Allah SWT 2. Percaya kepada Malaikat 3. Percaya kepada kitab 4. Percaya kepada rasul 5. Percaya kepada hari kiamat 6. Percaya kepada qada dan qadar <p style="text-align: right;">. (4 isi x 1 m = 4 m)</p>			
	(b)	(i)	Maksud bekerja menurut Islam			
			Bekerja menurut Islam ialah satu usaha yang dilakukan untuk mendapatkan wang atau harta dengan cara yang halal dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. <p style="text-align: center;">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p style="text-align: right;">(1 isi x 1 h = 2 M)</p>			
		(ii)	Dua peranan pekerjaan kepada individu muslim			
			1. Bekerja merupakan tanggungjawab setiap individu bagi memenuhi keperluan peribadi seperti menyara diri sendiri, keluarga dan tuntutan sosial seperti membangunkan ekonomi negara 2. Bekerja merupakan ibadat dalam Islam kerana, orang yang bekerja dikira telah menunaikan satu keperluan fardu ain, iaitu menyara kaum keluarga <p style="text-align: center;">Mana-mana jawapan yang munasabah di terima</p> <p style="text-align: right;">(2 isi x 2 huraian = 4 M)</p>			
		(iii)	Dua cara untuk menggalakkan anak muda agar tidak terlalu memilih pekerjaan			
			1. Menyedarkan mereka bahawa bekerja merupakan ibadat dalam Islam 2. Membuat kempen agar anak muda rajin bekerja melalui media sosial <p style="text-align: center;">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p style="text-align: right;">(2 isi x 2 huraian = 4 M)</p>			
2	(a)	(i)	Pengertian insan			
			Insan ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang sangat istimewa kerana mereka boleh berfikir, menerima ilmu dan berkehendak. <p style="text-align: right;">(1 isi x 1 h = 2 M)</p>			

Soalan	Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian tambahan [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
	(ii)	Keistimewaan Insan berbanding dengan makhluk Allah SWT yang lain		
		Manusia memiliki akal fikiran yang dapat membezakan antara yang baik dengan yang buruk. Seperti pahala dan dosa dengan itu manusia dapat hidup dengan aman dan diberkati oleh Allah SWT		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4 m)</p>		
	(b)	Dua kepentingan memelihara fitrah kejadian insan		
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapat keredaan dan petunjuk daripada Allah SWT dengan hidayah yang betul 2. Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan kepada Allah SWT 		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(2 isi x 2 huraian = 4 M)</p>		
	(c)	(i)	Maksud perbuatan jenayah menurut Islam	
		Melakukan sesuatu perbuatan yang ditegah dan di larang oleh Allah SWT seperti meninggalkan solat, tidak berpuasa pada bulan ramadhan dan sebagainya.		
		<p align="right">(1 isi x 1 h = 2 M)</p>		
		(ii)	Hukuman yang sepatutnya dijatuhkan keatas perbuatan tersebut dan kebaikan hukuman tersebut.	
		Hukuman Qisas, iaitu dicerderakan sebagaimana dia mencederakan mangsa. Kebaikan hukuman tersebut ialah penjenayah akan insaf kerana beliau juga mengalami kecederaan sebagaimana beliau mencederakan mangsa dengan itu kejadian jenayah tersebut dapat dibendung dalam masyarakat.		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(jenis hukuman 1m, 1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 5 m)</p>		
		(iii)	Tiga contoh kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman takzir dalam undang-undang jenayah Islam	
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesalahan mencuri yang tidak cukup bukti 2. Kesalahan khalwat 3. Kesalahan jalan raya 		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(3 isi x 1 m = 3 m)</p>		
3	(a)	(i)	Dua punca berlakunya perceraian di Malaysia	
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Masalah kewangan yang menyebabkan berlakunya pergaduhan antara pasangan 2. Tiada lagi persefahaman antara pasangan menyebabkan mereka saling curiga mencurigai 		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(2 isi x 2 h = 4 m)</p>		
		(ii)	Pendekatan Islam bagi mengurangkan kadar perceraian dalam kalangan pasangan Islam di Malaysia	
		Islam mengalakkan pasangan Islam agar sentiasa melakukan solat secara berjemaah agar dapat mengeratkan hubungan antara pasangan dengan itu akan menyuburkan perasaaan kasih sayang antara mereka.		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4m)</p>		
		(iii)	Dua tanggungjawab anak terhadap keluarganya	
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjaga nama baik keluarga dengan sentiasa menjauhi perbuatan mungkar 2. Belajar bersungguh-sungguh supaya dapat menjadi kebanggaan keluarga 		
		<p align="center">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p align="right">(2 isi x 2 m = 4m)</p>		

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian tambahan [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
	(b)	(i)	Maksud khalifah menurut ayat diatas		
			Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT (1 isi x 1 h = 2 M)		
		(ii)	Dua ciri sistem pemerintahan Islam.		
			1. Meletakkan Allah SWT sebagai pemegang kuasa yang mutlak manakala manusia sebagai khalifah hanya sebagai pemegang amanah sahaja. 2. Umat Islam berperanan sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan muka bumi Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 2 h = 4M)		
		(iii)	Dua tanggungjawab khalifah seperti yang digariskan oleh Islam		
			1. Melaksanakan hukum Allah SWT tanpa mengira tempat dan masa 2. Sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran dalam negara Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 2 h = 4M)		
4	(a)	(i)	Maksud Islam sebagai al-Din		
			Islam adalah satu cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak. (1 isi x 1 huraian = 2M)		
		(ii)	Dua sebab manusia memerlukan Islam sebagai al-din		
			1. Untuk memandu manusia kearah hidup yang diredai oleh Allah SWT. 2. Cara hidup Islam merupakan jalan untuk mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. 3. Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia untuk mencapai keharmonianhidup bermasyarakat. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 2 huraian = 4 M)		
		(iii)	Cara merealisasikan Islam sebagai al-Din dalam meningkatkan kualiti ibadat		
			Mendalami ilmu tentang sesuatu ibadat dengan lebih sempurna melalui pembacaan buku dan mengikuti kuliah agama di masjid dengan itu akan memantapkan lagi ibadah yang dilakukan Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4 m)		
	(b)	(i)	Maksud harta menurut Islam		
			Harta merupakan pemberian Allah SWT kepada manusia yang bersifat sementara.lanya merupakan ujian Allah SWT kepada manusia bagi menentukan tahap keimanan mereka. (1 isi X 1 m = 1m)		
		(ii)	Patutkah berlakunya perebutan harta dalam kalangan ahli keluarga		
			Tidak patut / patut (1m) Sebab tidak patut 1. Harta merupakan pemberian Allah SWT yang boleh di cari melalui usaha dan ikhtiar seseorang 2. Harta pesaka sepatutnya di bahagikan mengikut undang-undang Islam bagi mengelakkan perbalahan Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi X 2 huraian = 4 m)		
		(iii)	Cara yang sepatutnya dilakukan agar perakra sedemikian dapat dielakkan		
			Pembahagian pesaka seharusnya dilakukan secara faraid yang berlandaskan undang-undang Islam kerana semua orang akan mendapat haknya, dengan itu tidak akan menimbulkan perbalahan kerana ianya sangat adil. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4 m)		

Soalan			Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian tambahan [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
5	(a)	(i)	Maksud akal ialah	Anugerah Allah SWT kepada manusia untuk berfikir atau proses berfikir manusia yang dapat membezakan baik dan buruk (1 isi x 1 huraian = 2 m)		
		(ii)	Fungsi akal dalam mengenal Allah SWT ialah	Memahami wahyu Allah SWT/ dengan mempelajarinya / supaya manusia dapat berfikir mengenai kebesaran Allah SWT / dalam setiap kejadian alam /dengan itu manusia dapat mengenali Allah SWT sebagai tuhan yang maha mencipta. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi, 1 huraian, 1 contoh, 1 huraian tambahan, 1 huraian lengkap, 1 kesimpulan = 6 m)		
		(iii)	Dua peranan wahyu dalam memandu akal manusia	1. Wahyu mendidik akal manusia dalam menilai kebaikan dan keburukan sesuatu perkara 2. Wahyu membimbing akal untuk membina tamadun manusia yang berlandaskan ajaran agama Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 2 huraian = 4 M)		
	(b)	(i)	Dua etika hakim dalam menegakkan keadilan ialah	1. Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak samada pendakwa atau tertuduh agar semua pihak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan 2. Hakim hendaklah jujur dan amanah dalam menjalankan tugasnya agar dihormati oleh semua pihak 3. Hakim tidak boleh menghakimi mana-mana orang yang beliau mempunyai kepentingan dengannya supaya hukumannya adil dan saksama Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (2 isi x 1 m = 2 M)		
		(ii)	Tiga cara yang patut dilakukan oleh umat Islam dalam mematuhi pelaksanaan kehakiman Islam	1. Menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber rujukan utama dalam mengendalikan kes supaya tindakan diambil tidak menyalahi syarak. 2. Melaksanakan etika kehakiman Islam secara menyeluruh supaya matlamat untuk mewujudkan keamanan masyarakat tercapai. 3. Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4 m)		
6	(a)	(i)	Maksud kesenian Islam ialah	Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak (1 isi x 1 huraian = 2 m)		
		(ii)	Dua etika kesenian yang mesti dipatuhi agar ianya bersesuaian dengan konsep kesenian Islam	1. Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah SWT 2. Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syariah Islam 3. Kesenian yang berteraskan nilai dan akhlak Islam 4. Hasil seni yang tidak merosakkan akidah dan maksiat kepada Allah SWT (4 isi x 1 m = 4 m)		
	(b)	Kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam	Seseorang itu dapat mengetahui batasan dalam berhibur dengan itu dapat menjaga seseorang daripada terjerumus dalam perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT kesannya akan menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam Mana-mana jawapan yang munasabah diterima (1 isi, 1 huraian, 1 huraian tambahan, 1 kesimpulan = 4 m)			

Soalan		Isi [1 markah]	Huraian [1 markah]	Huraian tambahan [1 markah]	Kesimpulan [1 markah]
	(c)	(i)	Empat elemen pembentukan negara Islam		
			1. Rakyat 2. Wilayah 3. Sistem kehakiman 4. Penguatkuasa 5. Undang-undang	<p style="text-align: center;">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p style="text-align: right;">(4 isi x 1 m = 4 M)</p>	
		(ii)	Peranan rakyat dalam memastikan keamanan negara		
			Bekerjasama membentaras kemungkaran / yang bertentangan dengan syarak / daripada berlaku dalam negara / seperti perbuatan jenayah / dengan itu rakyat akan hidup dengan selesa kerana / perbuatan jenayah dapat dibendung		
			<p style="text-align: center;">Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</p> <p style="text-align: center;">(1 isi, 1 huraian, 1 contoh, 1 huraian tambahan, 1 huraian lengkap, 1 kesimpulan = 6 m)</p>		

SKIMA TAMAT